



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

MAJLIS SAINS NEGARA BINCANG STRATEGI MENGARUSPERDANAKAN STI KE ARAH NEGARA BERTEKNOLOGI TINGGI

4 Februari 2020, PUTRAJAYA – YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah **mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Sains Negara bagi tahun 2020 pada 3 Februari 2020** sebagai bukti komitmen Kerajaan dalam memacu bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) di Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi. Dalam ucapan pembukaannya YAB Perdana Menteri menekankan sumbangan sains dalam kehidupan harian dan pentingnya sains untuk pembangunan negara. Beliau juga menyarankan supaya **tumpuan diberikan kepada pembentukan pemikiran saintifik (*mindset*) dan pembudayaan STI** di kalangan rakyat dalam semua aspek kehidupan. Ini dapat dilaksanakan bermula dari alam persekolahan dengan pembangunan kurikulum dan pedagogi yang bersesuaian dan inovatif.

Majlis turut membincangkan cabaran serta pengalaman yang dikongsi oleh wakil industri dalam menghadapi persaingan global dan cadangan penyelesaian untuk mengadaptasi perkembangan teknologi pantas seiring dengan pembangunan sosioekonomi negara. Negara **perlu mengamalkan amalan terbaik daripada kejayaan pembangunan STI negara-negara maju** yang ditunjangi oleh sektor perindustrian berteknologi tinggi dan pelaburan yang tinggi dalam penyelidikan pra-pengkomersialan untuk membangunkan produk baharu yang boleh dieksport ke pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, terdapat syarikat berteknologi tinggi yang berpangkalan di Korea yang memiliki 5,000 pekerja

berkelulusan doktor falsafah yang melaksanakan penyelidikan dan pembangunan inovasi.

Majlis turut bersetuju agar **kolaboratif antara pihak kerajaan dan industri berteknologi tinggi diperluas** supaya negara dapat meningkatkan jumlah penyelidikan pra-pengkomersialan yang menumpukan kepada *experimental development* bagi menghasilkan inovasi yang berimpak tinggi. Buat masa ini, Malaysia memperuntukkan 14.6% daripada keseluruhan peruntukan R&D negara bagi *experimental development* berbanding negara-negara jiran seperti Thailand (51.7%) dan Singapura (48.3%).

Kerjasama kolaboratif terbukti berkesan melalui model *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST) yang diadaptasi dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) di Zon Utara Semenanjung Malaysia. Kolaborasi ini diperluaskan ke empat sektor iaitu Kesihatan dan Kesejahteraan, Fintech dalam Kewangan Islam (Perkhidmatan), Industri 4.0 (Pembuatan) dan Rangkaian Bekalan Halal di bawah program i-Connect MESTECC.

Majlis bersetuju supaya MESTECC bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk **mengenal pasti bidang tujahan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12** mulai suku pertama 2020.

Majlis turut **menyokong pengubalan Akta STI di bawah inisiatif Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030** untuk menginstitusikan landskap STI negara dan memastikan kesinambungan jangka panjang serta tadbir urus yang jelas untuk memacu STI ke arah pembangunan ekonomi dan kemakmuran rakyat.

MESTECC dan Kementerian Pendidikan akan bekerjasama membangunkan kurikulum dan pedagogi yang bersesuaian bagi meningkatkan minat terhadap mata pelajaran sains di sekolah.

MESTECC dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan memperhalusi insentif pengecualian cukai kepada syarikat yang R&D dan menyelaras pelaksanaan insentif pengecualian cukai pendapatan (*tax exemption*) dan permotongan

cukai dua kali bagi aktiviti R&D kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan pada suku kedua tahun ini.

Selain itu, MESTECC turut menempatkan penyelidiknya di industri berkaitan melalui program Researcher-Industry Scientific Exchange (RISE). Program ini juga akan diperluas ke agensi-agensi Kerajaan yang lain untuk meningkatkan penyelidikan yang memenuhi permintaan industri.

Mesyuarat Majlis Sains Negara turut dihadiri YB Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), YB Isnaraissah Munirah Binti Majilis, Timbalan Menteri MESTECC dan YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir, Ketua Setiausaha MESTECC selaku Setiausaha mesyuarat.

----- **TAMAT** -----

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat
MESTECC
Emel: noorhaniza@mestecc.gov.my
No. Tel: 03-88858084
Emel: suffian@mestecc.gov.my
No. Tel: 03-88858313

Bahagian Data Strategik dan Teknologi Masa Hadapan
MESTECC
Emel: alma@mestecc.gov.my
Tel. No : 03-8885 8201

Akademi Sains Malaysia
E-mel: hazami@akademisains.gov.my
Tel No.: 03-6203 0633

Dikeluarkan pada 4 Februari 2020, jam 5.00 petang

MENGENAI MAJLIS SAINS NEGARA

Majlis Sains Negara (NSC) ditubuhkan sebagai sebuah jawatankuasa tertinggi peringkat kebangsaan dalam tadbir urus sektor sains, teknologi dan inovasi (STI) dan berperanan untuk menetapkan hala tuju sektor STI negara dan memantau kemajuan pelaksanaan program dan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (*research, development & commercialisation – R,D&C*).

Keahlian NSC yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri, terdiri daripada menteri-menteri terpilih, Ketua Setiausaha Negara, tokoh-tokoh teknokrat, pertubuhan industri, *captains of industry*, dan akademia.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Akademi Sains Malaysia adalah urus setia bersama NSC.